



Ruj. Kami : PPNK.BN100 - 1/ 9 /4(42)  
Tarikh : 06 Mei 2021  
24 Ramadhan 1442H

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BIL. 5 TAHUN 2021  
PERMOHONAN AP58(a) MELALUI SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN (iSPEKS)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, terdapat penambahbaikan dalam proses Permohonan AP58(a) di Sistem iSPEKS bagi **Modul Akaun Belum Bayar (AP), Pendahuluan Dan Tuntutan (AC), Pengurusan Kontrak (COM) dan Gaji (PY)**. Permohonan AP58(a) melalui Sistem iSPEKS akan dilaksanakan sepenuhnya mulai **17 Mei 2021**. Penambahbaikan ini akan melibatkan perubahan proses Permohonan AP58(a).

3. Sehubungan itu YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan hendaklah mengemaskini Capaian Pentadbir Pengguna di Sistem iSPEKS bagi membolehkan proses Permohonan AP58(a) dilakukan. Carta Alir dan Manual Pengguna bagi proses Permohonan AP58(a) boleh dimuat turun di laman web rasmi Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri <http://ppnk.kedah.gov.my/> di menu :

- (i) iSPEKS > Carta Alir Modul SPEKS > Flow Permohonan AP58(a)
- (ii) iSPEKS > Manual Pengguna > Permohonan AP58(a)

(2)

Ruj. Kami : PPNK.BN100 - 1/ 9 /4(42)

4. Selaras dengan Surat Arahan Operasi ini, YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen bagi kelulusan Permohonan AP58(a) kepada **Unit Bajet Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Kedah** seperti senarai berikut:

- (i) Surat Permohonan
- (ii) Cetakan Borang AP58(a) daripada Sistem iSPEKS
- (iii) Dokumen Sokongan ( Contoh : Invois )
- (iv) Laporan Bulanan Vot

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh merujuk dengan **Seksyen Perakaunan Dan Pengurusan Kewangan** di talian 04-7027789/7790/7791/7847 atau email [helpdesk1speks@kedah.gov.my](mailto:helpdesk1speks@kedah.gov.my).

6. Kerjasama dan perhatian YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL MAJID BIN SALLEH, (C.A.M))**

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

s.k. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman